



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

## SIARAN MEDIA

### JELAJAH USAHAWAN MITI DAN AGENSI 2017 LABIS, JOHOR DARUL TAKZIM

Labis, Johor - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama agensi-agensi di bawahnya dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor telah mengadakan program Jelajah Usahawan MITI dan Agensi 2017 (JUM2017) di Labis, Johor Darul Takzim pada 28 dan 29 Julai 2017 bertempat di Dataran Labis, Segamat, Johor.

Program ini bertujuan membantu mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan usahawan PKS di Labis, memberi pendedahan kepada usahawan mengenai bentuk bantuan dan perkhidmatan yang disediakan oleh MITI dan agensi, menyebarluaskan peranan MITI dan agensi dan mendekatkan mereka dengan masyarakat setempat.

Program JUM2017 ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Perdagangan) MITI pada 28 Julai 2017, jam 9.00 malam.

'Ini merupakan kali pertama program JUM2017 diadakan di Labis, Johor dan sekaligus membawa MITI dan agensi-agensi di bawah MITI dekat dengan masyarakat setempat, yang mana ia menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap pembangunan usahawan di daerah Labis. Program turun padang ini antara lain juga untuk meningkatkan pendapatan rakyat menerusi bidang keusahawanan termasuk pembangunan produk, pembangunan kapasiti dan peluasan akses pasaran. Ini selaras dengan objektif Rancangan Malaysia ke-11 untuk memperkuatkannya inklusiviti ke arah mewujudkan masyarakat yang saksama dari segi kekayaan dan tahap sosio-ekonomi', menurut YB Datuk Chua Tee Yong.

'Saya ingin menyeru agar semua syarikat-syarikat PKS tempatan perlu meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan supaya boleh berdaya maju dan mampu bersaing di pasaran domestik dan antarabangsa manakala kami di pihak Kerajaan pula akan terus membantu meningkatkan keupayaan mereka', tambah beliau lagi.

Program ini telah disertai oleh lebih daripada 70 syarikat PKS dari daerah Labis dan kawasan sekitarnya. Ia telah mendapat sambutan baik daripada masyarakat setempat dan pengunjung daripada dalam dan luar daerah Labis. Antara aktiviti yang diadakan adalah Mini Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI), pameran kerjaya dan temuduga terbuka, pameran dan jualan pelbagai produk dan perkhidmatan oleh usahawan PKS tempatan, pemeriksaan kereta percuma, khidmat nasihat keusahawanan dan pelbagai aktiviti tarikan pengunjung lain turut disediakan.

-Tamat-

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
28 JULAI 2017



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

**Pertanyaan Media**

**Unit Komunikasi Strategik**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mel [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)